

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Penglibatan dalam perniagaan tingkatkan simpanan pendeposit | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 20 May 2015 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 178,211 |
| Page No | 7 | Readership | 534,633 |
| Language | Malay | ArticleSize | 198 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,604 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,812 |



Penglibatan dalam perniagaan tingkatkan simpanan pendeposit

KUALALUMPUR 19 Mei - Penglibatan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) di dalam aktiviti perniagaan dilihat penting bagi membolehkannya secara berterusan meningkatkan nilai simpanan pendeposit menerusi pendapatan perniagaan yang diraih.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Ismee Ismail berkata, Tabung Haji merupakan agensi pengurusan dana berbeza berbanding agensi-agensi kerajaan yang lain kerana selain terlibat di dalam perniagaan, ia turut memainkan peranan menguruskan jemaah untuk mengerjakan haji.

Katanya, Tabung Haji ketika ini mempunyai empat peruntukan aset iaitu ekuiti atau saham, pendapatan tetap, hartanah dan tunai.

Ekuiti atau saham mewakili 50 peratus daripada nisbah dana pendeposit, pendapatan tetap 20 peratus, hartanah 20 peratus dan tunai 10 peratus.

Namun katanya, Tabung Haji sendiri menghadapi kekangan berbanding dana-dana pelaburan yang lain, memandangkan mereka perlu memastikan pelaburan yang dibuat patuh syariah.

“Jika di bursa saham, kami tidak boleh membeli banyak saham syarikat-syarikat tersenarai seperti saham perbankan. Kami hanya memiliki kepentingan di dalam Bank Islam Malaysia Bhd. (Bank Islam) menerusi pegangan kami terhadap BIMB Holdings Bhd.

“Malah dalam sektor hartanah sekali pun, kami tidak boleh membangunkan pusat-pusat beli-belah kerana risaukan penyewa menawarkan produk-produk yang tidak patuh syariah. Jika boleh pun hanya bangunan pejabat, itu pun kami perlu memilih penyewa yang menjalankan perniagaan berlandaskan syariah,” katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Kata Ismee, Tabung Haji mempunyai dua peranan iaitu memudahkan masyarakat Islam tempatan mengerjakan haji dan secara tidak langsung membolehkan pendeposit berkecimpung di dalam sektor ekonomi negara melalui pelaburan dan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh Tabung Haji.

Beliau dalam hal ini berpendapat, pelaburan hartanah merupakan pelaburan yang baik kerana

nilai hartanah akan meningkat selain boleh menjana pendapatan berulang melalui penyewaan.

Malah katanya, fungsi yang dimainkan oleh Tabung Haji turut dijadikan rujukan oleh negara-negara Islam lain dan institusi-institusi pendidikan Barat.

“Apa pun kami tetap memberi fokus bagi memastikan Tabung Haji terus memberi pulangan yang baik kepada pendeposit. Cuma khabar-khabar angin mengenai transaksi yang dilakukan oleh Tabung Haji boleh menjejaskan masa kami untuk menumpukan kepada aktiviti sebenar entiti ini,” katanya.

Katanya, tuduhan yang dilontarkan seolah-olah tidak mengambil kira pencapaian Tabung Haji dalam tempoh sedekad lalu yang berusaha memberi pulangan kepada pendeposit serta menyediakan perkhidmatan mengerjakan ibadat haji dengan terurus.

“Saya optimis Tabung Haji mampu mengekalkan prestasinya tahun ini, lebih-lebih lagi kalau tidak banyak gangguan luaran yang boleh menjejaskan produktiviti pasukan pengurusan kami,” katanya.